

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

SOALAN NO. 201

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapakah jumlah kes pencemaran laut oleh kapal asing yang berlaku sepanjang tahun 2018 sehingga suku kedua 2019, dan apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan agensi yang berkaitan bagi membendung masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kes pencemaran laut yang melibatkan kapal asing sepanjang tahun 2018 dan suku kedua 2019 ialah sebanyak 5 kes.
2. Sehubungan ini, antara usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk membendung perkara ini adalah melalui kerjasama dengan agensi-agensi Pusat dan Negeri adalah melalui:
 - (i) Penguatkuasaan bersama secara berkala di antara Jabatan Alam Sekitar serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
 - (ii) Perkongsian maklumat berhubung kes pencemaran/pelanggaran kapal dengan cepat di antara Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Laut (melalui pelaporan dari *Vessel Traffic Services system* kepunyaan Jabatan Laut); dan

NO. SOALAN : 201

- (iii) Melaksanakan latihan berkala bersama agensi pusat dan agensi negeri menggunakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) dan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) agar setiap agensi yang terlibat sentiasa bersiap-sedia dalam menghadapi insiden tumpahan minyak.

Sekian, terima kasih.